

KERATAN AKHBAR

Tabika Kemas Pintar Stream

Galak pembelajaran kanak-kanak secara kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi

AHMAD ISMADI ISMAIL

KUALA LUMPUR

Pemaju masyarakat di Tabika dan Taska Kemas disarankan supaya sentiasa memikirkan kaedah pembelajaran yang kreatif dalam menyediakan aktiviti menarik untuk kanak-kanak agar mereka rasa seronok untuk belajar.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, Kemas akan sentiasa memastikan pendidikan awal kanak-kanak dipertingkatkan dengan menyediakan pro-

gram yang berkualiti.

“Usaha ini akan dapat membimbing dan membentuk jati diri serta sahsiah yang baik,” katanya pada perasmian Tabika Kemas Pintar Stream (Robotic) di Kuala Lumpur semalam.

Menurutnya, selain menimba ilmu, kanak-kanak juga berpeluang berinteraksi sesama rakan sebaya mereka supaya nilai keyakinan diri dan kasih sayang antara satu sama lain dapat diterapkan dalam diri mereka.

“Elemen ini amat penting sebagai persediaan mereka sebelum menjejakkan kaki ke Tahun Satu bagi memulakan pendidikan secara formal,” katanya.

Rina berkata, pendidikan e-Stream dapat menggalakkan minat kanak-kanak Tabika Kemas melalui pembelajaran secara kolaboratif, kreatif, pemikiran kritis dan komunikasi.

“Selain tema *Aviation* dan *Robotic*, Kemas mengambil inisiatif memperkenalkan sebanyak



FOTO SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Rina (dua dari kiri) mencuba menggunakan penyedut hampagas robotik bersama murid ketika merasmikan Tabika Kemas Keramat Nur di Kuala Lumpur semalam.

13 lagi tema berbeza di 12 negeri seperti *Medical Science*, *Aerospace*, *Automotive*, *Astronomy* serta *Oil and Gas*.

“Beberapa tema lagi sedang dibangunkan dengan kerjasama pintar Universiti Pendidikan Sultan Idris, Akademi Seni Budaya

dan Warisan Kebangsaan dan Pertubuhan Sekolah Belantara,” katanya.

Rina berkata, peruntukan sebanyak RM50,000 digunakan untuk kerja membaikpulih dan menaiktaraf bangunan Tabika Kemas untuk dijadikan Tabika Kemas Pintar Stream.

“Perkara ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan saya berharap pelaksanaan pendidikan e-Stream ini diperluaskan ke seluruh negara supaya manfaatnya dapat dinikmati oleh kanak-kanak bukan sahaja di bandar, malah di kawasan luar bandar,” katanya.

Sehingga kini, Kemas telah menyediakan sebanyak 11,966 kelas tabika yang memberi peluang kepada seramai 217,498 kanak-kanak dan sebanyak 509 kelas Taska Kemas dengan seramai 9,400 kanak-kanak yang melibatkan kawasan luar bandar, pedalaman, pulau dan kawasan orang asli.

KETERANGAN AKHBAR